

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 August 2015

Malaysia-Singapura capai banyak kejayaan bersama

UM - 11/8/2015

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Malaysia dan Singapura telah mencapai banyak kejayaan yang boleh dibanggakan melalui kerjasama secara pragmatik walaupun kedua-dua negara itu mempunyai perbezaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pada tahun 1967, Malaysia dan Singapura merupakan antara lima negara pengasas ASEAN, iaitu sebuah pertubuhan yang mampu mengekalkan keamanan serantau walaupun mempunyai kepelbagaian etnik dan agama.

Kata beliau, kedua-dua negara turut bersama dalam Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada tahun 1971 selain bekerjasama rapat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1980 bagi memastikan masa depan yang jelas untuk Indochina dan seterusnya membentuk pelbagai lagi kerjasama ketika ini.

"Mengambil contoh kerjasama perdagangan, kedua-dua negara merupakan rakan dagang kedua terbesar selepas China. Pada tahun lalu, Singapura merupakan negara kedua terbesar bagi Malaysia di peringkat global dan negara terbesar di peringkat ASEAN.

"Iskandar Malaysia dan Pulau Pinang merupakan fokus utama pelaburan dari Singapura. Rakyat Singapura juga sedang mula melihat peluang itu lebih jauh termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Bagi sektor pelancongan pula, jumlah pelancong yang datang ke Malaysia dari Singapura telah mencatat angka 13.9 juta pada tahun lalu iaitu pertambahan 5.7 peratus dari tahun sebelumnya. Namun, kami



Pada tahun lalu, Singapura merupakan negara kedua terbesar bagi Malaysia di peringkat global dan negara terbesar di peringkat ASEAN."

**NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri**

berharap lebih ramai pelancong akan melawat negara ini sejajar dengan sasaran Tourism Malaysia yang mahu menarik kedatangan 14.5 juta pelancong dari republik itu," katanya menerusi blog beliau, www.najibrazak.com hari ini bersempena sambutan Hari Kebangsaan Singapura Ke-50.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, perubahan pendekatan antara kedua-dua negara telah diberi penekanan selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri.

Kata beliau, penyelesaian secara menang-menang telah dilaksanakan membabitkan Perkara-perkara Yang Dipersetujui (POA) pada tahun 2010 selepas 20 tahun kebuntuan, merupakan contoh bagaimana semangat untuk saling memberi manfaat telah dipilih demi sama-sama bergerak ke hadapan.

"Saya dan Perdana Menteri, Lee Hsien Loong bersetuju bahawa negara kita tidak boleh dibebankan oleh mana-mana isu yang berkaitan

dengan masa lalu. Beberapa perjanjian yang dianggap sebagai satu bentuk kelemahan telah berlalu. Masa depan kita adalah sebagai rakan kongsi. Malah, baru-baru ini terdapat cadangan Malaysia dan Singapura membida secara bersama penganjuran Sukan Olimpik.

"Saya gembira dengan hubungan lebih rapat ini dan berharap lebih banyak kejayaan akan dicapai. Pembinaan projek Rel Berkelajuan Tinggi yang menghubungkan kedua-dua negara diharap akan mengubah cara berinteraksi penduduk, memberi kemudahan perjalanan, meningkatkan hubungan perniagaan dan rakyat masing-masing," katanya.

Mengambil kira peluang yang wujud antara kedua-dua negara, beliau meminta rakyat Singapura untuk tidak menghukum Malaysia berdasarkan apa yang dibaca menerusi media sosial atau kenyataan bermotifkan politik daripada pihak-pihak tertentu yang bertujuan mahu menjatuhkan negara.

Dalam hal itu, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Malaysia akan kekal selamat dan stabil bagi pelancong mahu pun untuk rakyat negara ini.

"Realitinya, kami berkongsi aspirasi anda untuk tadbir urus yang baik, ekonomi yang kuat, inklusif dan mampan berdasarkan asas yang kukuh demi kestabilan, keharmonian dan kepelbagaian.

"Itulah sebabnya kita menjadi rakan kongsi yang baik dan mengapa Hsien Loong dan saya akan terus bekerja rapat untuk membawa manfaat sebenar kepada semua rakyat Malaysia dan Singapura," katanya.